

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL]

SOALAN

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan bilakah Akta Muzium akan diperkenalkan bagi mengawal selia aktiviti berkaitan muzium di negara ini dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mempromosi muzium dan menambah baik kemudahan muzium.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Jabatan Muzium Malaysia sedang dalam proses menggubal Rang Undang-Undang (RUU) Muzium. Pihak Jabatan Muzium Malaysia sedang dalam proses peringkat penilaian semakan akhir *Regulatory Impact Statement* (RIS) oleh Sekretariat *Good Regulatory Practices*, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). RUU ini bertujuan untuk mengawal dan memantau penubuhan, pengurusan, dan aktiviti muzium dan bagi perkara-perkara yang berkaitan bersampingan dengannya. RUU ini diharapkan akan turut digunakan oleh semua muzium-muzium negeri yang bakal dimasukkan dalam Enakmen Negeri yang bertanggungjawab terhadap aktiviti permuziuman.

Kementerian ini secara berterusan mempromosikan muzium bersama destinasi-destinasi pelancongan yang lain. Promosi secara khusus dilakukan menerusi Jabatan Muzium Malaysia yang bekerjasama secara rapat dengan Tourism Malaysia. Para penggiat industri pelancongan juga dilibatkan bagi mempromosi muzium kepada para pelancong, domestik dan luar negara. Medium utama meliputi semua media termasuk media sosial, internet (laman web, *blog* dan sebagainya) serta pengiklanan menerusi cetakan bahan promosi seperti poster, brosur, *pamphlet* dan juga *outdoor advertising* seperti papan-papan iklan LED atau *billboard*. Manakala usaha menambahbaik kemudahan muzium pula dilakukan dari semasa ke semasa dengan mengenalpasti keperluan sama ada dari segi fasiliti (untuk kemudahan pengunjung) atau naik taraf teknik pameran/peragaan bagi mempertingkatkan kepuasan para pengunjung.

Sekian, terima kasih.